

SYARAT- SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF AKADEMIK

Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa ketika ini seperti berikut:

- i. memenuhi tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun;
- ii. hadir dengan jayanya Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus yang ditetapkan (Program Tranformasi Minda dan Program Pensijilan Pengajaran dan Pembelajaran IPT);
- iii. mengemukakan dua (2) hasil penyelidikan dalam bidang masing-masing secara berkumpulan **atau**;
- iv. mengemukakan satu (1) hasil penyelidikan dalam bidang masing-masing secara individu **atau**;
- v. mengemukakan dua (2) hasil penerbitan secara berkumpulan sebagai Penulis Utama dalam jurnal berwasit yang diperakukan oleh Pusat Pengajian **atau**;
- vi. mengemukakan satu (1) hasil penerbitan secara individu sebagai Penulis Utama dalam jurnal berwasit yang diperakukan oleh Pusat Pengajian;
- vii. diperakukan oleh Ketua Jabatan; **dan**
- viii. mempunyai markah purata prestasi tahunan sekurang-kurangnya 85% seperti yang diputuskan dalam MEU ke 102 Bil. 7/2005.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

- 1) seseorang staf yang sedang berkhidmat kemudian menjawat jawatan baru dan telah genap 12 bulan perkhidmatan perlu mencapai markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 90%.
- 2) seseorang staf lantikan baru perlu berkhidmat lebih daripada 12 bulan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%.
- 3) seseorang staf yang telah berkhidmat lebih daripada 12 bulan dan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%.
- 4) seseorang staf yang mempunyai tiga (3) kali markah penilaian prestasi perlu mencapai peningkatan markah yang memuaskan untuk disahkan dalam jawatan.

- 5) Di samping itu, pengisytiharan harta juga menjadi salah satu syarat tambahan untuk seseorang staf disahkan dalam jawatan. Syarat ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan staf terhadap perkara ini.
- 6) Seseorang staf boleh diberi Pelanjutan Tempoh Percubaan atas perkara-perkara berikut:
- a) Masih belum memenuhi syarat-syarat pengesahan jawatan iaitu:
 - i. Tidak mengikuti Kursus Induksi Umum dengan jayanya;
 - ii. Tidak lulus dalam peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan (staf pentadbiran sahaja);
 - iii. Prestasi yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan;
 - iv. Tidak mendapat perakuan Ketua Jabatan; dan
 - v. Tiada hasil penyelidikan/penerbitan untuk dinilai bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan (staf akademik sahaja)
 - b) Dikenakan tindakan tatatertib
- 7) Kuatkuasa Pelanjutan Tempoh Percubaan

Tahun	Akademik	Pentadbiran
Keempat (4)	Kali pertama selama satu (1) tahun	<ol style="list-style-type: none"> i. Kali Pertama selama enam (6) bulan ii. Kali kedua selama enam (6) bulan
Kelima (5)	Kali kedua selama satu (1) tahun	<ol style="list-style-type: none"> i. Kali ketiga selama enam (6) bulan ii. Kali keempat selama enam (6) bulan
Keenam (6)	Kali ketiga dan terakhir selama satu (1) tahun dengan berdenda iaitu tiada kenaikan gaji tahunan	<ol style="list-style-type: none"> i. Kali kelima selama satu(1) tahun dengan berdenda iaitu tiada kenaikan gaji tahunan
Ketujuh (7)	Cadangan untuk ditamatkan perkhidmatan	Cadangan untuk ditamatkan perkhidmatan